



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 3 OGOS 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 3 Ogos 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **12,297 kes** (950,029 kes kumulatif, 81.7%);
- Kes baharu : **17,105 kes** (1,163,291 kes kumulatif);
- Kes import : **37 kes** (12 warganegara, 25 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **17,068 kes** [14,688 warganegara (86.1%); 2,380 bukan warganegara (13.9%)];
- Kes aktif : **203,664 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **1,066 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **537 kes**;
- Kes kematian : **195 kes** (9,598 kes kumulatif, 0.82%; 173 warganegara, 22 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **3,761 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **30 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,618 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **1,143 kluster**.

Daripada **17,105 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini, sebanyak **317 kes (1.9 peratus)** adalah daripada kategori 3, 4 dan 5. Manakala sebanyak **16,788 kes (98.1 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2. Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosa COVID-19. Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan kes sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

Secara keseluruhan, hanya **3,115 kes (18.2 peratus)** daripada jumlah kes yang dilaporkan pada hari ini mempunyai sejarah imunisasi COVID-19. Status vaksinasi COVID-19 mengikut kategori adalah seperti Rajah 1.

STATUS VAKSINASI KES COVID-19 HARIAN MENGIKUT KATEGORI | 3 OGOS 2021




BERDASARKAN KEADAAN KLINIKAL SEMASA BAHARU DIDIAGNOSA COVID-19

KATEGORI 5

Kritikal & perlu bantuan pernafasan:
Purata jagaan di ICU selama 21 hari

8.2% 91.8%



8 89
JUMLAH KES
97 (0.6%)

KATEGORI 4

Radang paru-paru & perlu bantuan oksigen:
Purata jagaan di ICU selama 14 hari

21.2% 78.8%




18 67
JUMLAH KES
85 (0.5%)

KATEGORI 3

Radang paru-paru:
Memerlukan rawatan dan pemerhatian di hospital

35.6% 64.4%




48 87
JUMLAH KES
135 (0.8%)

KATEGORI 2

Bergejala ringan

26.5% 73.5%



2,255 6,265
JUMLAH KES
8,520 (49.8%)

KATEGORI 1

Tidak bergejala

9.5% 90.5%



786 7,482
JUMLAH KES
8,268 (48.3%)

Ada Sejarah Vaksinasi
Tiada Sejarah Vaksinasi

JUMLAH KES HARIAN : 17,105



Sumber : CPRC, KKM

Rajah 1 Status Imunisasi COVID-19 Harian Mengikut Kategori

Sebanyak **195 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **88 kes** di Selangor, **24 kes** di Johor, **15 kes** di Pulau Pinang, **13 kes** di Kedah, **12 kes** di Sabah, masing-masing **lapan (8) kes** di Negeri Sembilan, Melaka, dan Pahang, **tujuh (7) kes** di Terengganu, **empat (4) kes** di Perak, **tiga (3) kes** di Kelantan, **dua (2) kes** di Sarawak, serta masing-masing **satu (1) kes** di

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Perlis

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU R_0 / R_T **(STATUS SEHINGGA 2 OGOS 2021)**

Berdasarkan data terkini pada **2 Ogos 2021**, nilai RT Malaysia adalah sebanyak 1.07. Negeri yang mencatatkan nilai RT yang tertinggi adalah Terengganu (nilai RT 1.30) diikuti oleh Kelantan (nilai RT 1.25), dan Perak (nilai RT 1.20). Semua negeri mencatatkan RT melebihi 1.0 kecuali Negeri Sembilan, Perlis, dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu dan dapatkan imunisasi COVID-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius, bilangan kes kematian sekaligus membina imuniti kelompok. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

3 Ogos 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 3 OGOS 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	5,836 (2)	425,648
WP KUALA LUMPUR	2,309 (29)	128,958
JOHOR	1,275	94,225
SABAH	1,010	87,899
SARAWAK	494	78,211
NEGERI SEMBILAN	816 (3)	73,978
KEDAH	1,036	49,286
PULAU PINANG	798	48,050
KELANTAN	915 (1)	44,920
PERAK	967 (1)	40,087
MELAKA	508	33,023
PAHANG	628 (1)	26,215
TERENGGANU	429	18,231
WP LABUAN	5	9,678
WP PUTRAJAYA	72	4,141
PERLIS	7	741
JUMLAH KESELURUHAN	17,105 (37)	1,163,291

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 195 kes kematian pada 3 Ogos 2021 adalah seperti berikut:

NEGERI	BIL KES	JANTINA		KEWARGANEGARAAN		TEMPAT KEMATIAN		SEJARAH PENYAKIT
		L*	P*	WN**	BWN**	HOSPITAL	BID***	
SELANGOR	88	48	40	74	14	68	20	61
JOHOR	24	16	8	24	-	24	-	21
PULAU PINANG	15	9	6	15	-	13	2	11
KEDAH	13	5	8	13	-	13	-	10
SABAH	12	9	3	8	4	4	8	8
NEGERI SEMBILAN	8	2	6	8	-	8	-	7
MELAKA	8	5	3	7	1	5	3	7
PAHANG	8	4	4	8	-	7	1	8
TERENGGANU	7	7	-	6	1	7	-	6
PERAK	4	1	3	4	-	4	-	3
KELANTAN	3	1	2	3	-	3	-	3
SARAWAK	2	2	-	2	-	2	-	2
WP KUALA LUMPUR	1	1	-	-	1	1	-	1
PERLIS	1	1	-	1	-	1	-	1
WP LABUAN	1	-	1	-	1	1	-	1
Jumlah	195	111	84	173	22	161	34	150

*L merujuk kepada lelaki dan P merujuk kepada perempuan

**WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

***BID merujuk kepada *Brought In Dead*

LAMPIRAN 3

Perincian 17,105 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 3 Ogos 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	5,836	109	3,204	2	2,521
WP KUALA LUMPUR	2,309	137	1,065	29	1,078
JOHOR	1,275	288	725	-	262
KEDAH	1,036	71	590	-	375
SABAH	1,010	146	527	-	337
PERAK	967	121	497	1	348
KELANTAN	915	229	482	1	203
NEGERI SEMBILAN	816	85	459	3	269
PULAU PINANG	798	81	347	-	370
PAHANG	628	97	453	1	77
MELAKA	508	93	293	-	122
SARAWAK	494	78	338	-	78
TERENGGANU	429	90	289	-	50
WP PUTRAJAYA	72	1	55	-	16
PERLIS	7	-	4	-	3
WP LABUAN	5	1	4	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	17,105	1,627	9,332	37	6,109

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 3 OGOS 2021**

NO	NAMA KLUSTER	KATEGORI KLUSTER	NEGERI	DAERAH	JUMLAH KES	JUMLAH DISARING
1	Kampung Banir Belikong	Komuniti	Kelantan	Pasir Puteh	19	25
2	Kampung Jelor	Komuniti	Kelantan	Pasir Puteh dan Kota Bharu	19	30
3	Kampung Padang Bongor	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	12	25
4	Taman Kifayah	Komuniti	Kelantan	Jeli	11	31
5	Kampung Cherang Hangus Machang	Komuniti	Kelantan	Machang	11	17
6	Kampung Padang Tok La	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	8	10
7	Dah Kampung Nonang	Komuniti	Kedah	Kota Setar	45	68
8	Dah Kampung Tiang	Komuniti	Kedah	Pendang	30	69
9	Kerteh Lima	Komuniti	Terengganu	Dungun	78	169
10	Kampung Telaga Air	Komuniti	Sarawak	Kuching	61	528
11	Kampung Sangkabok	Komuniti	Sabah	Kuala Penyu	33	38
12	Kampung Sungai Isap	Komuniti	Pahang	Kuantan	25	76
13	Kampung Tun Razak	Komuniti	Selangor	Hulu Selangor	23	36
14	Taman Parit Jaya	Komuniti	Perak	Perak Tengah dan Kuala Kangsar	19	55
15	Tapak Bina Bestari Satu	Tempat Kerja	Selangor	Klang	161	208
16	Industri Bangi Lama Batu Satu Setengah	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	124	144
17	Industri Canang Emas Lapan	Tempat Kerja	Selangor	Klang	109	145

18	Tapak Bina Damar 2	Tempat Kerja	Selangor	Sepang dan Petaling	68	270
19	Tapak Bina Kenanga Salak Perdana	Tempat Kerja	Selangor	Sepang	48	183
20	Merbau 10 Kulai	Tempat Kerja	Johor	Kulai dan Johor Bahru	9	19
21	Perindustrian Jamil Dua	Tempat Kerja	Johor	Muar	41	68
22	Jalan Industri Bioteknologi Dua	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	9	230
23	Industri Jalan Mutiara Nilai	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban	44	112
24	Industri Gedok	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Tampin	30	79
25	Mega Suai	Tempat Kerja	Sarawak	Subis	24	351
26	Jalan Industry Estate 38	Tempat Kerja	Sarawak	Bintulu	17	85
27	Rimba Mentakab	Tempat Kerja	Pahang	Temerloh	24	55
28	Jong Langkap	Tempat Kerja	Perak	Hilir Perak	11	20
29	Jalan Seri Impian Tiga	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Kluang	37	99
30	Jalan Pahang Bidor	Kumpulan Berisiko Tinggi	WP Kuala Lumpur	Titivangsa	16	26

LAMPIRAN 5**NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 2 OGOS 2021**

NEGERI	NILAI R_T
TERENGGANU	1.30
KELANTAN	1.25
PERAK	1.20
SABAH	1.19
KEDAH	1.18
PULAU PINANG	1.17
JOHOR	1.14
WP KUALA LUMPUR	1.13
PAHANG	1.11
WP PUTRAJAYA	1.11
SELANGOR	1.08
SARAWAK	1.08
MELAKA	1.06
NEGERI SEMBILAN	0.91
PERLIS	0
WP LABUAN	0
MALAYSIA	1.07